

PANDUAN PUASA

Awal Ramadhan telah hampir maka moleklah di sini diterangkan serba ringkas perihal puasa daripada mula-mula seseorang melihat bulan hingga ia berpuasa pada esoknya serta dengan serba sedikit tentang hukum-hukumnya yang dibuat dengan serba ringkas juga mudah-mudahan memberi manfaat dan menjadi panduan kepada umum.

Apabila terlihat bulan pada awal Ramadhan dengan mata atau perhitungan maka tiap-tiap seseorang muslim lelaki atau perempuan yang sudah baligh dan tidak gila: (1) Sunat pada malam itu dan tiap-tiap malam puasa sembahyang tarawih dan witir sesudah isyak.

(2) Pada malam itu sunat makan tengah malam kira-kira pada pukul 1 hingga terbit fajar sehingga tidak payah sangat ia berpuasa.

(3) Wajib berniat hendak puasa pada esoknya- niat itu diniatkan sesudah Maghrib hingga sebelum fajar.

(4) Wajib puasa menahan diri daripada makan dan minum serta bercampur suami isteri daripada terbit fajar sehingga masuk matahari.

(5) Sunat berbuka puasa apabila masuk matahari.

Marilah kita pandang tentang bahagian-bahagian yang tersebut satu persatu dengan ringkasnya. Ada dua pegangan berkenaan dengan yang pertama iaitu melihat bulan dan puasa dengan hitungannya. Tentang ini ada dua pendapat ulama. Golongan yang pertama berkata bahawa firman Allah di dalam surat Al-Quran ayat 185 yang berbunyi: "Barangsiaapa di antara kamu melihat bulan (Ramadhan) maka hendaklah ia puasa pada bulan itu." Rasulullah (SAW) bersabda: "Janganlah kamu berpuasa hingga kamu melihat bulan dan janganlah kamu berhari raya hingga kamu melihat bulan dan jika gelap puasa atas kamu maka gunakanlah hitungan untuknya."

Ada beberapa hadis lagi yang semakna dengan hadis-hadis yang tersebut yang menunjukkan bahawa tidak boleh kita berpuasa dan berhari raya melainkan dengan melihat bulan dan jika cuaca gelap maka cukupkan Syaaban atau Ramadhan dengan 30 hari. Adapun pendapat yang kedua yang membenarkan puasa dengan perhitungan falak ada menyatakan sebab-sebabnya disuruh melihat bulan itu ialah dengan kerana pada masa itu empunya belum ada atau belum banyak orang yang mengetahui hitungan falak sebagaimana

yang disabdakan oleh Rasulullah (SAW) yang maksudnya:

"Sesungguhnya kami ini satu umat yang bodoh. Kami tak tahu menulis dan tak pandai menghitung bulan itu sekian dan sekian yakni sebulan 29 hari dan sebulan lain 30 hari." – (Hadis sahih riwayat Bukhari)

Dengan keterangan-keterangan ini dan dengan pandangan-pandangan yang lain Sebagaimana ikutan-ikutan yang lain bagi menetapkan waktu sembahyang waktu fajar dan sebagainya adalah dipandangan mereka sekiranya yang demikian itu boleh digunakan maka tidak salahnya menggunakan ilmu falak bagi menetapkan seharibulan Ramadhan itu sekiranya sememangnya ada di antara mereka itu ahli-ahli falak yang diiktiraf. Sembahyang tarawih itu adalah sunat dikerjakan dan waktunya pada malam hari sesudah Isyak membawa kepada sebelum subuh dengan terlebih baik dikerjakan berjemaah. Pada mazhab Syafie sembahyang tarawih itu ialah sebaik 20 rakaat dengan dua-dua rakaat satu salam dan tiga witir. Tetapi sebahagian pula menyatakan bahawa sembahyang tarawih dan witir itu hanya 11 rakaat (8 tarawih- 3 witir) sebagaimana hadis yang diriwayatkan -, telah berkata Aisyah – Rasulullah (SAW) tidak pernah mengerjakan di dalam malam bulan Ramadhan dan tidak di luar Ramadhan lebih daripada 11 rakaat iaitu ia sembahyang empat rakaat – jangan engkau tanya bagus dan panjangnya – kemudian ia sembahyang tiga rakaat" .- Hadis sahih riwayat Bukhari dan Muslim.

Diriwayatkan lagi: Telah berkata Aisyah adalah Rasulullah (SAW) telah pernah sembahyang di antara Isyak dan Subuh 11 rakaat, ia beri salam pada tiap-tiap dua rakaat, dan ia sembahyang witir satu rakaat. Ada hadis-hadis lagi berkenaan dengan itu yang jika kita perhati kedudukannya begini :
(1) Tarawih itu boleh dikerjakan dua rakaat satu salam dan boleh juga empat rakaat satu salam (2) tarawih

atau sembahyang malam itu rakaatnya tidak terbatas tetapi

Rasulullah sendiri mengerjakannya 8 rakaat dan witir

terkadang-kadang Rasulullah kerjakan 5 rakaat, dengan kerana

itulah maka ada diriwayatkan bahawa: –

(1) Pada zaman Umar ibnu al-Khatab orang sembahyang tarawikh dan witir 23 rakaat.

(2) Ibnu Abas pernah mengerjakan 20 rakaat dengan witir.

(3) Kata ‘Ata’ saya dapati sahabat-sahabat sembahyang tarawikh 20 rakaat dan witir tiga.

(4) Kata Daud bin Qis pada zaman Umar bin

Abdul Aziz orang sembahyang tarawikh 30 rakaat dan witir 3.

(5) Kata Imam Malik – Kami di Madinah mengerjakan 20 rakaat dan di Mekah 23 – tidak dibatasi.

(6) Kata Imam Tirmizi – Diriwayatkan bahawa paling banyak dikerjakan oleh Imam Malek 41 rakaat bersama-sama witir.

Seseorang yang hendak puasa itu maka hendaklah ia berniat sebagaimana juga perlunya niat di dalam lain-lain ibadat. Tentang itu tidak ada perselisihan sesuatu pun tetapi ada perselisihan tentang memulai niat itu.

Rasulullah (SAW) telah bersabda : “Barangsiapa tidak menetapkan di dalam hatinya sebelum fajar yang ia hendak puasa (pada esoknya) maka tiadalah puasa baginya” Maksudnya barangsiapa tidak berniat sebelum fajar yang ia hendak puasa pada esoknya maka tiadalah sah puasanya. Hadis ini telah dilemahkan oleh beberapa ahli hadis seperti Bukhari dan lain-lainnya dan tidak dapat dijadikan alasan.

Diriwayatkan - , telah berkata Aisyah : Rasulullah telah pernah datang kepada saya pada satu hari lalu ia bertanya – Adakah apa-apa (makanan) padamu? Kami jawab tidak ada. Maka sabdanya- kalau begitu aku berpuasa”. – (Hadis).

Hadis ini menunjukkan Rasulullah berniat puasa pada pagi hari dan puasanya itu ialah puasa sunat. Oleh kerana itu sebahagian ulama tidak mahu samakan dengan puasa wajib tentang boleh berniat pada siang hari dan mewajibkan hendaklah orang yang berpuasa itu berniat sebelum fajar.

Tetapi ada pula ulama memandang tidak ada perbezaan niat di dalam puasa yang wajib dengan yang sunat. Niat tentang puasa ini dibolehkan juga dimulai pada awal Ramadhan

dan seterusnya dengan satu kali niat untuk sebulan itu.

Yang membatalkan puasa

Perintah puasa itu wajib seperti firman Allah maksudnya:

“Hai orang-orang yang beriman diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu supaya kamu terpelihara (daripada kejahanatan) iaitu beberapa hari yang tertentu – (Kaf. Al-Baqarah ayat 173-174).

Puasa itu ialah menahan diri daripada mengerjakan beberapa tegahan yang dinamakan perkara-perkara yang membatalkan puasa yang berjalan daripada terbit fajar hingga masuk matahari.

Menurut Quran dan hadis perkara-perkara yang nyata dan terang membatalkan puasa dengan tidak khilafnya di antara muslimin ialah makan minum dan bercampur di antara suami isteri.

Perkara yang ulama berselisih faham padanya tentang membatalkan puasa (1) maksiat seperti berdusta, mengumpat dan sebagainya, (2) muntah dengan sengaja, (3) berbekam dan membekam.

Adapun perkara yang tentu tidak batal (1) ialah muntah dengan tidak sengaja, (2) memakai celak mata, (3) bercium dengan isteri (4) makan, minum dan bercampur dengan isteri dengan lupa, (5) berkumur-kumur, (6) mandi atau menyelam, (7) berjanabah malah hingga pagi, (8) injection (memasukkan ubat dibadan) (9) menghilangkan bau mulut.

Allah telah berfirman yang maksudnya: “Maka sekarang, campurilah isteri-isteri (kamu) itu dan carilah apa yang telah ditentukan oleh Allah untuk kamu dan makan dan minumlah hingga terbit tali putih dari tali hitam dari fajar kemudian sempurnakanlah puasa hingga malam” - (Kaf. Al-Baqarah 187).

Maksudnya pada malam puasa boleh kamu bercampur suami isteri dan makan dan minumlah pada malam hingga kelihatan tanda putih di tepi langit sebelah timur iaitu tanda fajar. Kemudian sempurnakan puasa kamu hingga masuk matahari. Ini keterangan yang nyata bahawa yang ditegah hanya makan, minum dan bercampur dengan isteri.

Ada pun tentang maksiat yang lain tidak ada tegahan yang tepat atasnya hanya disuruh jangan mengeluarkan perkataan-perkataan yang kotor serta ribut bertengkar dan jika seseorang memaki atasnya dan melaknatnya maka hendaklah ia berkata: Sesungguhnya ia itu seorang yang berpuasa”. Ada beberapa hadis di dalam

Perkara ini dan ada beberapa sahabat berpendapat maksiat itu membatalkan puasa dan dengan kerana itu ulama-ulama memandang bahawa selain daripada membatalkan puasa makan, minum dan bercampur suami isteri itu ialah perbuatan maksiat.

Golongan yang lain menjawab bahawa tegahan yang tersebut itu bukan tertentu sahaja dalam berpuasa tetapi di dalam berpuasa lebih keras tegahannya. Sekiranya yang demikian itu menjadi tegahan maka sudah tentu ada tegahan yang tepat di dalam Al-Quran sebagaimana yang tersebut di dalam surah al-Baqarah ayat 187 itu tidak pun menyebut yang demikian dan sekiranya maksiat itu membatalkan puasa tentulah sebahagian besar daripada muslimin tidak berpuasa dan tidak boleh berpuasa dengan kerana itu mereka pandang bahawa mengeluarkan perkataan-perkataan yang celupar dan sebagainya itu tidak membatalkan puasa hanya kurang khusyuknya juga.

Muntah dengan tidak sengaja itu tidak batal dan demikian juga bercium di antara suami dengan isteri tidak batal kerana ada keterangan-keterangan yang menyatakan bahwasanya Rasulullah ada mencium isteri-isterinya, Ummu Salamah dan Aisyah. Juga makan minum yang lupa itu tidak membatalkan puasa seperti hadis sahih yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim : “Barangsiaapa lupa yang ia puasa dan ia makan dan minum maka hendaklah ia sempurnakan puasanya melainkan Allah beri ia makan dan minum.”

Demikian juga seseorang yang berkesedudukan dengan isterinya yang ia terlupa ia puasa maka tidak wajib qada atasnya seperti sabda Rasulullah (SAW) yang maksudnya: “Barangsiaapa batal puasanya pada satu dalam bulan Ramadhan dengan lupa maka tidak ada qada atasnya dan tidak ada kifarah (denda).” – (Hadis)

Sabda Rasulullah lagi: “Tidak dihukum untukmu dengan kekeliruan, lupa dan paksaan” – (Hadis)

Demikian juga di dalam puasa itu, menurut pendapat yang sarih bahawa bercelak, berkumur-kumur, mandi, menyelam dalam air, mengorek telinga, injeksyen, berjinabah daripada malam membawa ke pagi, bergurau, tidur, memakai bau-bauan dan ihtilam (bermimpi sehingga keluar mani pada siang hari) semuanya itu tidak membatalkan puasa.

Adapun orang-orang yang tidak diwajibkan puasa itu

ialah (1) kanak-kanak atau orang gila. Kanak-kanak itu tidak wajib puasa sebelum ia baligh. Tetapi sungguhpun begitu orang tuanya wajib menyuruh ia berpuasa dengan tidak membawa mudarat kepadanya seperti sabda Rasulullah: “Apabila seseorang anak boleh puasa tiga hari maka wajib atasnya puasa sebelum dengan sempurna” maksudnya apabila seseorang anak boleh puasa tiga hari dengan tidak ada halangan maka wajib suruh ia puasa sebulam Ramadhan dengan cukup; dan ada juga keterangan bahawa anak-anak itu disuruh dipaksa mengerjakan puasa.

Orang gila tak wajib puasa apabila dalam gila tetapi apakala sembuh gilanya wajib baginya puasa.

(2) Musafir, perempuan yang haid dan orang sakit mereka ini tidak wajib puasa tetapi wajib qada dan tidak wajib fidyah firman Allah: “Barangsiaapa antara kamu sakit atau di dalam pelayaran maka sejumlah daripada beberapa hari yang lain” – iaitu boleh tidak berpuasa tetapi hendaklah dibayar pada hari yang lain.

Telah berkata Aisyah....”Kami (yang datang haid) diperintah (oleh Rasul) mengqada puasa, tetapi tidak diperintah kami mengqada sembahyang. “Demikian juga hukumnya tentang orang yang nifas (beranak). Mereka wajib qada. Orang yang musafir pula boleh ia berpuasa jika kuat dan jika tidak berpuasa wajib qada.

Orang-orang yang tidak wajib puasa tetapi wajib membayar fidyah pula ada beberapa golongan iaitu (1) Perempuan hamil yang takut merosakkan anaknya atau dirinya. (2) Perempuan menyusui anak yang ditakuti merosakkan anaknya dan dirinya, (3) Orang tua yang tidak kuat lagi puasa, (4) Orang yang apabila puasa lalu dapat sakit, (5) Orang sakit yang tidak boleh puasa dan tidak ada harapan sembuh, (6) Orang yang tetap bekerja dengan pekerjaan yang berat sehingga tak patut puasa Firman Allah yang maksudnya: “Dan orang-orang yang boleh puasa dengan susah payah itu (kalau tidak puasa) wajib membayar fidyah iaitu memberi makan seorang miskin.”

Ada beberapa riwayat hadis menguatkan lagi ayat yang tersebut menunjukkan bahawa enam golongan yang tersebut tadi ialah orang yang yang dipandang boleh puasa tetapi dengan bersusah

payah adapun fidyah itu maknanya menebus kesalahan iaitu maksudnya suatu kewajipan yang dikenakan kepada beberapa golongan orang yang tidak wajib puasa.

Orang-orang yang dibolehkan berfidyah dengan memberi makan seorang miskin bagi tiap-tiap hari yang ia tidak puasa itu empunya jika ia tidak puasa dalam dua hari maka ia wajib memberi makan dua orang miskin. Banyaknya fidyah itu tidak ditetapkan di dalam Al-Quran dan al-hadis dan sebab itu ulama berselisih faham tentang batasnya dan pada pendapatannya sebagianya apabila seseorang (orang yang boleh berfidyah itu) apabila tidak puasa pada satu hari dan memberi makan seseorang miskin satu hari yakni pagi dan petang atau tengah hari dan malam dengan makanan yang pertengahan daripada makanan yang biasa dimakan.

Berkenaan dengan orang-orang yang berkesedudukan dengan isterinya di dalam puasa Ramadhan itu maka wajib baginya membayar kifarah yakni penutup suatu kesalahan atau dosa (maksudnya denda yang dikenakan kepada orang yang membatalkan puasanya dengan sebab bersetubuh) sama ada ia berpuasa atau tidak. Diriwayatkan: "Telah datang seorang lelaki kepada Nabi (SAW) lalu berkata – saya telah binasa ya Rasulullah! Sabdanya – apa yang telah membiasakan kamu. Jawabnya – Saya telah bersetubuh dengan isteri dalam bulan Ramadhan. Sabdanya- Adakah kemampuan padamu memerdekaan seorang hamba? Jawabnya – Tidak ada. Sabdanya – Bolehkah engkau puasa dua bulan berturut-turut? Jawabnya – tak boleh. Sabdanya – Bolehkah engkau memberi makan 60 orang miskin? Jawabnya – Tak boleh. Kemudian ia duduk lalu ada seseorang membawa kepada Nabi sekeranjang kurma. Sabdanya – Bersedekahlah dengan ini. Jawabnya – Apakah kepada orang yang lebih fakir daripada kami? Sesungguhnya di Madinah ini tidak ada ahli-ahli rumah yang lebih fakir daripada kami. Mendengar itu Rasulullah tertawa hingga kelihatan gerahamnya dan bersabda pergilah dan berilah makanan ini kepada ahlimu" – (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Hadis ini boleh kita faham (1) orang yang bersetubuh dengan isteri dalam bulan puasa kena kifarah itu ialah (A) Memerdekaan seorang hamba (B) Puasa dua bulan

berturut-turut atau (C) Memberi makan 60 orang miskin sekiranya tidak dapat ia mengerjakan salah satu daripada tiga itu maka adalah ia menjadi satu hutang atasnya dan wajib ia menunaikannya dalam masa ada kelapangan.

(2) Perempuan yang dicampuri oleh suaminya tidak wajib bayar kifarat. Adapun berkenaan dengan mengqada puasa itu maksudnya ialah puasa di luar daripada bulan Ramadhan bagi mengganti puasa yang ditingakkannya dalam bulan Ramadhan itu. Mereka itu ialah orang yang telah disebutkan tadi iaitu musafir, orang sakit, perempuan haid dan nifas itu dibolehkan mengqada puasanya. Tetapi orang yang meninggalkan puasa pada hal ia tidak uzur maka berdosa atasnya dan tidak ada qada baginya sama seperti orang yang meninggalkan sembahyang iaitu menurut pendapatannya ulama yang menuntut tidak boleh mencua-i-cuaikan sesuatu ibadat. Adapun tentang masa bayar qada itu ada ulama berpendangan hendaklah ia bayar sebelum sampai Ramadhan yang lagi satu. Pendapatannya dibantah oleh yang lain kerana tidak ada keterangan menentukan di dalam Al-Quran dan al-hadis berapa lama masanya yang ia mesti membayar hutang puasa itu. Adapun ulama memandang bahawa kalau telah lewat Ramadhan yang lagi satu itu makan selain daripada ia mengqada puasanya Maka wajib pula ia membayar fidyah bagi tiap-tiap puasa yang dilewatkannya itu; Inipun telah dibantah kerana yang demikian tidak ada keterangan-keterangannya yang tepat daripada Al-Quran dan al-hadis – Cuma ada beberapa orang sahabat berpendapatannya begitu dengan tidak menunukkan alasan daripada Rasulullah (SAW) dengan ringkasnya bahawa semolek-moleknya tiap-tiap seorang yang wajib kada. (Orang haid dan nifas, musafir dan orang sakit) itu sebaik-baiknya hendaklah membayarnya dengan seberapa segera yang boleh tetapi kalau ada halangan ia mengundurkannya seberapa masa yang mustahak dengan tidak mesti membayar fidyah atau lain-lain denda.

Adapun perempuan yang istihadah yakni yang berpenyakit tumpah darah kalau ia kuat maka wajib ia puasa sebagaimana juga diwajibkan sembahyang atasnya. (Istihadah Itu ialah darah yang keluar daripada perempuan yang tidak putus-putusnya menyalahi daripada masa-masa haid). Sekianlah.